

Demografi dan Tata Perbandaran di Aceh pada Abad Ke-16: Data Baru Menurut Sebuah Buku Panduan Portugis daripada Tahun 1584*

PIERRE- YVES MANGUIN

ROTEIRO DAS COUSAS DO ACHEM OLEH DOM JOÃO RIBEIRO GAIO

Antara kesultanan yang ada di wilayah Selat Melaka, kesultanan Aceh, disebabkan faktor ekonomi dan agama, adalah termasuk barisan penentang yang paling kukuh terhadap kekuasaan Portugis, yang telah menetap di Melaka pada tahun 1511. Sepanjang abad ke-16 dan ke-17, pertempuran yang dilancarkan menentang armada Portugis di laut dan serangan ke kubu pertahanan Portugis di Melaka sering kali berlaku. Permusuhan yang terjadi setiap saat itu menyibukkan pihak Portugis secara terus-terusan: bersama dengan Johor, tempat keluarga Sultan Melaka telah mengungsi, Aceh termasuk kekuasaan tempatan yang paling banyak dilaporkan pihak Portugis. Kenyataan itu menghasilkan sejumlah data yang agak luar biasa banyaknya mengenai sebuah negeri yang pada masa itu ekonominya tengah mengalami kemajuan yang pesat¹. Pada abad 17, ketika sampai di puncak kejayaannya di bawah pemerintahan Sultan Iskandar Muda, negeri itu masih sering disebut, malahan lebih banyak lagi, kerana orang Portugis tidak lagi satu-satunya bangsa Eropah yang hadir di wilayah itu².

Pada tahun 1580-an, kerajaan Aceh mengalami banyak kesukaran – krisis dinasti, wabak, peperangan – yang membuat sejumlah orang Portugis berfikir bahawa itulah saatnya untuk melancarkan campur tangan bersenjata dan merampas kekuasaan. Antara orang Portugis yang yakin bahawa dari wilayah Melaka itu mereka harus terus menakluki daerah-daerah Asia lainnya, terdapat Biskop Melaka bernama Dom João Ribeiro Gaio. Pada tahun 1584, dia menyusun sebuah tulisan yang terdiri daripada tiga puluhan muka surat tulisan tangan yang bertajuk “Panduan Urusan Aceh” (*Roteiro das cousas do Achem*) yang dihantarnya kepada rajanya dua kali, iaitu pada tahun 1584 dan 1588, untuk meminta sokongan terhadap rancangan penaklukan Aceh itu, namun tidak berjaya. Ia menyusun tulisan tersebut dengan bantuan orang yang bernama Diogo Gil. Yang diketahui mengenai orang itu hanyalah bahawa dia pernah menjadi tawanan di Aceh selama beberapa tahun dan, serupa semua “hamba” sultan, dia telah bergerak dengan cukup bebas untuk mengenali wilayah itu dengan baik.

Teks yang ditulis dalam bahasa Portugis itu masih terdapat dalam dua buah manuskrip. Yang pertama ialah salinan manuskrip asli pada tahun 1584, yang dibuat di Melaka pada tahun 1588 atas tanggung jawab pengarangnya sendiri, untuk disertakan kepada permintaan baru yang diajukan kepada raja Portugal. Manuskrip itu telah dibeli di Madrid pada abad ke-19, dan kini tersimpan di

Pejabat Sejarah Angkatan Laut di Vincennes, Perancis. Versi ini baharu diterbitkan dengan catatan di Portugal oleh Jorge M. Dos Santos Alves dan penulis artikel ini³. Manuskrip yang kedua adalah terjemahan dalam bahasa Sepanyol daripada teks asli tahun 1584 yang sama, dibuat di Manila pada tahun 1580-an atau 1590-an. Sejak tahun 1947, manuskrip tersebut telah dimiliki Prof. C.R. Boxer, yang membuat sesuatu yang amat berharga, kerana ialah yang pertama memperkenalkan manuskrip yang penting itu⁴.

Buku “Panduan” Aceh itu sebenarnya merupakan dokumen yang kandungannya disusun berasaskan keterangan yang didapati daripada “pengintip” Diogo Gil. Mengenai ibu bandar dan sekitarnya, pemerhatian langsung itu sangat berharga. Selain itu, maklumat mengenai pantai utara Sumatera, dari Priaman di pantai barat sampai Aru di pantai timur yang digambarkan secara lebih singkat, nampaknya telah dikumpul Diogo Gil di Aceh pula, dan mungkin dilengkapi di Melaka dengan bantuan pemerhati lain, oleh penulis kedua, iaitu Biskop Melaka.

Tulisan Gaio dan Gil itu, yang disusun sebagai suatu kumpulan arahan yang perlu diikuti jika berlaku pendaratan Portugis di Aceh itu sangat kaya dengan maklumat tentang topografi, perbentengan, organisasi angkatan bersenjata ibu bandar kesultanan dan daerah sekitarnya di hujung utara Sumatera. Satu bab khas membincangkan hal istana (*dalam*) dan organisasi dalamnya. Penggambaran lain tidaklah begitu terperinci: pelabuhan-pelabuhan, dari Priaman sampai Aru, dimuatkan sejumlah petunjuk demografi dan topografi tentang keseluruhan wilayah yang amat luas, yang pada zaman itu berada di bawah kekuasaan sultan Aceh.

Dalam artikel ini, kami hanya bertujuan memetik dan membincangkan sejumlah data daripada tulisan itu tentang tata perbandaran dan demografi di kesultanan tersebut pada perempat terakhir abad ke-16, iaitu sebelum keadaannya cukup berubah sebagai akibat perkembangan pesat masa Iskandar Muda, yang lebih umum diketahui. Peta yang telah kami susun berdasarkan tulisan itu serta pengalaman yang telah kami peroleh di lapangan semasa menjalankan penyelidikan arkeologi di Aceh bersama para penyelidik daripada Pusat Penelitian Arkeologi Nasional Indonesia. Dokumen ini menyajikan sintesis data-data yang tersedia, yang lebih jelas dibandingkan komen yang panjang. Kami telah membandingkan data-data tersebut dengan pelbagai gambar Portugis lain yang ada daripada abad ke-16 (tiga antaranya dimuatkan di sini sebagai ilustrasi). Pada akhir artikel ini, kami memuatkan pula sejumlah maklumat yang ditemui di sana sini dalam sumber-sumber Portugis mengenai struktur dalaman istana (*dalam*) para sultan Aceh.

Kami di sini kekurangan ruang untuk membuktikan secara terperinci kesimpulan yang kami ajukan. Satu kajian yang lebih mendalam tengah dijalankan. Teks asli disertai lebih banyak perincian tentang konteks Portugis itu dapat dibaca dalam edisi yang kami telah terbitkan pada tahun 1997 bersama Jorge dos Santos Alves.

NEGERI ACEH PADA AKHIR ABAD KE-16

Melalui perkataannya sendiri – iaitu perkataan yang biasa digunakan seorang Portugis pada abad ke-16 – teks *Roteiro* itu menggambarkan sebuah negeri yang ditakrifkan sebagai “daerah yang dikuasai Aceh di Pulau Sumatera”. Semua kampung dan bandar pelabuhan, yang dengan nasibnya masing-masing dibangunkan berhampiran muara aliran sungai yang mengalir ke Samudera India atau ke Selat Melaka, tertakluk atau “membayar ufti” kepada raja yang bersemayam di bandar Aceh, iaitu bandar yang telah menjadi pelabuhan yang terbesar di Sumatera. Kampung-kampung dan muara-muara yang digambarkan dalam teks itu sebagai wilayah raja Aceh itu mengingatkan ungkapan “anak sungei dan teluk rantau” dalam teks-teks Melayu sezaman, bermakna wilayah yang dikuasai negeri-negeri pelabuhan di daerah itu⁵. Pada akhir abad tersebut, struktur kekuasaan politik di Sumatera, seperti juga di tempat lain di kepulauan Asia Tenggara, telah mengalami zaman peralihan: perkembangan ekonomi yang pesat, serta perkembangan luar biasa lalu lintas maritim terasa juga seperti di tempat lain di Dunia Lama dan serentak itu mengakibatkan perkembangan wilayah penanaman tumbuhan untuk perdagangan, iaitu di Sumatera terutamanya lada. Pengawasan atas penuaian tumbuhan dagangan yang hampir tunggal dan tuaian padi yang diperlukan sebagai bahan makanan untuk sekitar 100,000 penduduk ibu kota – pengawasan yang menentukan untuk perekonomian bandar dagang besar itu – meningkatkan kekuasaan yang semakin terpusat, dan penenteraan hubungan antara pusat dan wilayah pinggir, serta tanggapan yang lebih meyakinkan tentang wilayah tersebut. Zaman perubahan itulah yang telah disaksikan orang Portugis pada paruh kedua abad ke-16. Walaupun Aceh tengah mengalami sejumlah kesukaran politik pada tahun 1580-an, yang menyebabkan buku “panduan” itu ditulis, pada saat itu kerajaan peniaga tersebut telah mencapai sempadannya yang paling selatan di pantai Sumatera, setelah menakluki wilayah Aru-Serdang-Asahan di sebelah timur, dan setelah memaksakan “ufti” ke atas wilayah Priaman di sebelah barat, seperti yang digambarkan dengan baik oleh penulis kita. Gaio pun menyebut bahawa wilayah pedalaman, ertinya daerah Batak, dikuasai pula. Berdasarkan kisah Fernão Mendes Pinto, kita mengetahui bahawa orang Batak itu diserang Aceh pada akhir tahun 1530-an⁶. Diketahui juga bahawa, pada tahun 1580-an, hubungan dengan orang Minangkabau, penghasil dan pengeksport emas di pantai barat dan di wilayah pedalaman, itu bersifat permusuhan. Tiga puluh tahun kemudiannya, di bawah pemerintahan Sultan Iskandar Muda, setelah mengalami kesukaran pada akhir abad itu, Aceh mencapai zaman keemasannya (dan memperluas wilayah kekuasaannya sampai ke Semenanjung Melayu, di pantai seberang Selat Melaka).

Kekurangan data yang terperinci mengenai ekonomi daripada setiap wilayah penghunian adalah kelemahan *Roteiro*, yang hanya membincangkan masalah taktik dan strategi angkatan tentera, iaitu terutama topografi dan demografi (yang berpotensi berperanan dalam pertahanan). Kampung Air Labam (Lapang) adalah

satu-satunya kampung yang disebut sebagai penghasil lada. Hal itu sama sekali berlawanan dengan angka-angka penghasilan lada secara keseluruhan yang tercatat dalam surat yang dilampirkan pada *Roteiro*. Jadi, seharusnya disimpulkan bahawa maklumat jenis itu tidak dikumpulkan penyusun teks tersebut dan bahawa penyebutannya sekali sahaja itu adalah yang bersifat kebetulan.

Roteiro mencatatkan angka penghasilan lada yang diawasi dan dieksport Aceh melalui Laut Merah, iaitu 30,000 *quintais*, atau 1,800 tan. Angka itu perlu dibandingkan dengan angka yang diberi pada masa yang sama dalam tulisan sezaman oleh Jorge de Lemos, iaitu 1,800 sampai 2,000 tan⁷. Sekitar dua puluh tahun sebelumnya, melalui Laut Merah, Iskandariah dan Mesir menerima sekitar 30,000 *quintais* lada, dengan tiga perempat bahagiannya berasal dari Sumatera⁸. Kedua-dua angka tersebut, yang tidak jauh berbeza, jauh lebih rendah daripada angka yang diberi dalam suatu dokumen Portugis tidak bernama daripada tahun 1582, iaitu 90,000 *quintais* (5,400 tan)⁹. Tetapi, maklumat terakhir itu ini sepatutnya diterima dengan berhati-hati, kerana menurut sumber itu sendiri ia diperoleh daripada Pero de Faria, yang pernah menjadi kapten di Melaka empat puluh tahun sebelumnya dan beliau sudah tua pada tahun 1582.

MASYARAKAT BANDAR

Roteiro juga mengandungi data demografi tentang negeri yang dikuasai Aceh. Data itu lebih berharga lagi, kerana tidak ada yang lain untuk zaman itu. Jumlah penduduk bandar Aceh sendiri sebenarnya tidak ada. Yang diketahui hanyalah bahawa sultan dapat mengerahkan sekitar 30,000 askar dalam masa sepuluh hari: hal itu bermakna jumlah penduduk secara keseluruhan adalah sekitar 120,000 orang, tetapi dalam angka di atas perlu diambil kira jumlah lelaki yang boleh berperang yang dikerahkan dari luar bandar. Angka-angka yang diberi untuk bandar tersebut hanya meliputi empat wilayah tempat tinggal para pedagang asing, di mana terdapat 1,500 ketua keluarga. Sudah diterima umum bahawa angka jenis itu perlu digandakan dengan faktor 6.5 untuk mendapatkan angka, yang jelas bersifat perkiraan, untuk jumlah penduduk secara keseluruhan. Dengan demikian, diperoleh jumlah sekitar 10,000 pedagang asing dengan keluarga mereka di bandar itu¹⁰. Tetapi angka-angka di atas belum mengambil kira orang Aceh sendiri, baik pedagang mahupun petani, hamba mereka yang pasti banyak, serta pendayung yang tinggal di kampung dan kampung pinggiran bandar. Tidak terhitung pula penduduk istana (*dalam*) yang jumlahnya banyak, iaitu para bangsawan, sida-sida, gundik-gundik sultan dan keluarganya. Berdasarkan sumber yang lain, yang malangnya sedikit setengah abad kemudian, diketahui pula bahawa penduduk bandar pelabuhan itu, pada puncak kejayaannya, melebihi 100,000 orang, seperti halnya sejumlah bandar pelabuhan besar lainnya di kawasan itu pada zaman perkembangan ekonomi yang pesat itu¹¹. Jika untuk tahun 1570-an, iaitu pada masa kegiatan ekonomi dan militer yang luar biasa


yang mendahului masa krisis tahun 1580 di Aceh, ditetapkan angkanya (yang sebenarnya rendah) sekitar 80,000 penduduk, agaknya kita mendekati kenyataan. Sebagai bahan bandingan dapatlah diambil bandar pelabuhan Johor, yang tidak sebesar Aceh pada tahun 1580-an itu, yang berpenduduk lebih daripada 45,000 orang¹².

Angka perkiraan kami untuk Aceh itu dapat diuji lagi melalui pendekatan yang berbeza oleh Anthony Reid. Beliau nampaknya telah berjaya memperkirakan kepadatan rata-rata penduduk pada abad ke-17 di wilayah-wilayah perbandaran (pusat perniagaan yang padat dan wilayah pinggiran semi-urban) di Nusantara, iaitu sekitar 10,000 penduduk per kilometer persegi¹³. Berdasarkan bab-bab dalam *Roteiro* yang menggambarkan topografi bandar dan apa yang dapat diketahui melalui peta-peta yang dibuat sesudahnya, serta pemerhatian bandar itu pada masa kini, dapatlah digambarkan dalam garis besar suatu segitiga yang bermula pada suatu titik sejauh 2.5 km dari muara Sungai Aceh di sebelah utara, ke suatu titik yang terletak langsung di sebelah selatan lingkungan istana, dan terakhir ke titik ketiga di pantai utara, di kuala sungai yang bermuara di Teluk Aceh, di Ulee Lheue (disebut Kuala Sabang dalam *Roteiro*, lihat peta 1). Dengan demikian, diperoleh sebuah garis keliling sepanjang sekitar 14 km¹⁴ dan tanah seluas kira-kira 8 km², maka bermakna sekali lagi 80,000 penduduk¹⁵. Dalam segitiga tersebut, kami tidak memasukkan daerah-daerah yang lebih ke pinggir lagi, yang nampaknya jauh kurang padat dengan penduduknya, kerana *Roteiro* menyebut terdapat rumah-rumah terpencil di situ sahaja. Kampung-kampung lain, yang disenaraikan sahaja tanpa perincian sama sekali, hanyalah yang terletak di hulu Sungai Aceh, tidak jauh di sebelah selatan pusat bandar. Satu-satunya petunjuk demografis yang ada dalam *Roteiro* untuk pantai barat itu jelas tidak dikenal pasti baik dahulu mahupun sekarang adalah berkenaan dengan bandar kecil Daya yang dihuni 600 ketua keluarga (iaitu sekitar 4,000 penduduk).

Sebaliknya, tentang tempat-tempat tinggal di pantai timur, diberikan angka untuk 22 di antaranya, tetap dalam bentuk jumlah ketua keluarga. Tidak diberikan angka demografis satu pun bagi sekitar 12 nama tempat di antara Aceh dan Aru, tetapi tempat-tempat itu nampaknya bukanlah tempat tinggal yang besar. Namun, untuk wilayah di selatan Aru, disebut jumlah penduduknya bagi sekitar enam tempat, mungkin kerana tidak ada maklumat tentang daerah yang jauh dari ibu kota itu. Wilayah yang aktif dahulu kala itu telah mengalami kemunduran pada abad ke-15 dan ke-16, tetapi dapat diperkirakan sudah mulai membangunkan daerah perbandaran pada akhir abad ke-16. Sebenarnya daerah itu kemudiannya menjadi pusat kesultanan Deli yang makmur (dan kemudiannya menjadi bandar moden Medan). Nama-nama tempat yang dikenal pasti seperti Serdang, Bandar Bangun dan Asahan disebut dalam *Roteiro*, tetapi nama Deli tidak ada. *Roteiro* boleh dikatakan unik pula, kerana adalah satu-satunya sumber yang memberikan angka untuk wilayah-wilayah penghunian yang sangat kecil. Perbezaan jumlah penduduk antara kampung-kampung kecil yang disebut di dalamnya di satu pihak dengan bandar Pasai dan Aru di pihak lain ialah satu berbanding seratus.

Kampung yang terkecil ialah “Hujon Ladern” dengan 10 ketua keluarga sahaja (bermakna sekitar 65 penduduk), di pantai utara Sumatera, yang pasti sama dengan kampung moden Ladong, di pantai barat Teluk Kroong Raya. Di sana terdapat suatu tapak arkeologi yang baru-baru ini dikenalpasti sebagai pusat perdagangan pada abad ke-13 dan ke-14. Yang terbesar ialah kedua-dua bandar pelabuhan kuno yang kaya, iaitu Pasai dan Aru, yang pada masa itu masing-masing masih berpenduduk 1,500 ketua keluarga (ertinya hampir 10,000 orang).


Dengan demikian, jumlah keseluruhan ketua keluarga yang tercatat di antara kuala Sungai Aceh dan Aru ialah 6,267, yang bermakna lebih kurang 40,000 penduduk. Dengan menjangkakan sekitar 10,000 penduduk untuk keseluruhan tempat penghunian yang angkanya tidak diberikan dalam *Roteiro*, diperoleh jumlah sekitar 50,000 penduduk, yang bermakna sekitar separuh daripada jumlah penduduk ibu kota Aceh. Jumlah keseluruhan itu meliputi sekitar 12,000 orang lelaki yang dapat dikerahkan untuk ekspedisi tentera¹⁶. Angka ini memang bukanlah sedikit, jika dibandingkan dengan jumlah orang yang pernah dihantar ke medan perang oleh Aceh, dalam armada-armadanya yang terbesar, selama paruh kedua abad ke-16, iaitu 10,000 sampai 15,000 orang, yang terdiri atas penduduk ibu kota dan mungkin sekali juga atas orang yang berasal dari pantai barat Sumatera¹⁷.



Gambar 1. Teluk Aceh dengan Bandar dan Benteng-Benteng Pertahanan Sekitar tahun 1564. Sumber: Fernão Vas Dourado, peta *Dachem* (fol. 4) dalam atlas tahun 1568 (koleksi Ducs d’Alba, di Archivo y Biblioteca del Palacio de Liria, Madrid).

Untuk seluruh pantai itu, kita memiliki angka yang lebih tua daripada data *Roteiro* untuk sebuah bandar sahaja, iaitu Pasai: pada tahun 1512, walaupun telah kalah bersaing dengan jirannya yang agung, iaitu Melaka, sejak beberapa dekad, bandar itu masih memiliki sekitar 20,000 penduduk (menurut Tomé Pires). Dengan demikian, Pasai nampaknya semakin mundur pada tahun 1540-an. Maka, kita boleh beranggapan bahawa Aru, pada zaman otonominya yang terbesar pada abad ke-15, juga memiliki jumlah penduduk yang lebih besar. Di samping itu, kejadian penghijrahan penduduk dalam jumlah yang besar dari sebuah bandar ke sebuah bandar yang lain menggambarkan dengan baik kecenderungan para penduduk Nusantara, yang kini diakui ahli sejarah Asia Tenggara. Mereka sering berpindah-pindah, iaitu berkumpul di sebuah bandar alternatif, yang secara bergantian, menurut perubahan geografis, berperanan sebagai pusat simbolik, politik dan ekonomi daripada suatu jaringan perdagangan, pada tingkat wilayah atau antarabangsa. Untuk wilayah yang dibincangkan di sini, fenomena tersebut telah berlaku di bandar-bandar niaga yang terpenting, iaitu Lamri, Aru, Tamiang, Pedir, Pasai, Melaka dan Aceh (semuanya disebut dalam *Roteiro*, kecuali yang pertama, yang disebut hanya muncul pada awal abad ke-16 dalam *Suma Oriental* karangan Tomé Pires, tetapi hilang pada akhir abad itu).

Oleh demikian, angka-angka yang diberi dalam *Roteiro*, walaupun merupakan perkiraan sahaja, namun menunjukkan kategori ukuran yang masuk akal, ketika dilihat dalam konteks sejarahnya masing-masing. Untuk mengetahui perkadaran penduduk bandar di seluruh pulau Sumatera, tentu sahaja kita perlu membandingkan angka-angka tersebut, yang hanya menyangkut penduduk bandar-bandar pelabuhan (yang melalui pelbagai cara mengambil bahagian dalam kegiatan jaringan bandar-bandar niaga di Asia Tenggara, yang tengah berkembang pesat) dengan angka-angka tentang penduduk Batak dan Gayo di dataran tinggi Sumatera Utara, di antara Barus di sebelah barat, Asahan di sebelah timur, dan Aceh di sebelah utara. Tetapi, angka-angka yang memungkinkan kajian itu tidak ada untuk zaman yang diselidiki di sini. Sebenarnya, demografi Sumatera baru diketahui dengan lebih baik pada abad ke-19¹⁸. Walau bagaimanapun, perlu diingat catatan Tomé Pires dan Raffaello Galli, yang pada awal abad ke-16 memerhatikan bahawa sebahagian besar penduduk Pasai tinggal di pusat-pusat penghunian besar di wilayah pedalaman¹⁹. Namun, dalam batas daerah pesisiran Selat Melaka, dapat disimpulkan bahawa pada masa itu sebahagian besar penduduknya tinggal di tempat-tempat yang sudah dapat dikategorikan sebagai bandar. Di pantai timur laut Sumatera sahaja, dari Aceh sampai ke Asahan, daripada keseluruhan penduduk yang berjumlah sekitar 130,000 orang,²⁰ 80,000 daripadanya tinggal di ibu kota Aceh sebagai pusat politik dan ekonomi (iaitu sekitar 60%). Lebih daripada 26,000 orang (20%) tinggal di tiga bandar berukuran sedang, iaitu Pedir, Pasai dan Aru. Oleh demikian, terdapat sekitar 106,000 penduduk (lebih dari 80%) yang tinggal di lingkungan yang benar-benar bersifat bandar, dan sekitar 8,000 orang (6%) yang tinggal di empat kampung besar yang berpenduduk antara 1,300 dan 3,200 orang (atau 200 sampai 500 ketua keluarga).



Gambar 2. Teluk Aceh dengan Bandar dan Benteng-Bentengnya Sekitar tahun 1600. Sumber: Manuel Godinho de Erédia, peta Achem (fol. 18) dalam kumpulan daerah dan petanya tahun 1610 (Perpustakaan Nasional Rio de Janeiro).

Angka-angka itu sesuai dengan hipotesis yang kini dicadangkan mengenai besarnya perkadaran penduduk bandar di pantai-pantai Selat Melaka²¹.

STRUKTUR BANDAR PELABUHAN ACEH

Selain itu, *Roteiro* memuatkan maklumat yang tidak sistematik, tetapi mencukupi untuk memungkinkan kami membuat sebuah peta yang agak terperinci tentang bandar Aceh dan daerah sekitarnya. Kami dapat pula menggambarkan garis besar struktur bandarnya, yang merupakan data yang bernilai pada masa kini, di mana para ahli sejarah berupaya memikirkan perkembangan bandar-bandar di Asia Tenggara secara mendalam.

Beberapa bahagian daripada *Roteiro* itu menggambarkan jalan-jalan yang perlu dilalui mulai dari pantai di bahagian utara Pulau Sumatera, yang membentuk Teluk Aceh sepanjang 10 km di antara Tanjung Pancur di sebelah barat dan kuala Sungai Aceh di sebelah timur laut, sampai ke istana raja (yang disebut *dalem*), iaitu sasaran yang diperhatikan para penyerang. Di tengah teluk itu, dengan sebelah timurnya dibatasi Sungai Aceh, terbentang bandar Aceh, yang secara berangsur-angsur bersatu dengan wilayah pinggirannya yang berupa daerah

pertanian. Lahan yang dilalui mulai dari tepi laut, mula-mulanya pantai pasir atau rawa-rawa, sungai-sungai yang cetek, yang dapat diharungi di beberapa ratus meter ke hulu. Kemudian terdapat sawah-sawah, kebun sayur, perkebunan pisang dan kelapa, dengan melalui jalan setapak berlumpur, yang dari kampung ke kampung memusat ke tepi Sungai Aceh, sekitar 5 km di hulu kualitasnya, di titik pusat bandar di mana berdiri istana dan bangunan-bangunan sampingan yang terpenting, terutamanya masjid agung. Dalam pemandangan itu, di sana sini terlihat bangunan yang menarik perhatian, seperti sejumlah langgar (disebut “*langar*” dalam teks), yang dibangunkan daripada kayu; kandang kuburan bertembok; bangunan-bangunan percukaian dan tempat tukang besi; ataupun sejumlah kubu dan benteng yang dibangunkan sebagai pertahanan melawan serangan dari laut. Kebanyakannya dibuat daripada tanah sahaja, meskipun gambar-gambar Portugis masa itu (pelan 1 dan 2), yang dibuat tanpa melihat keadaan di lapangan itu memberikan tanggapan yang lain.

Penduduk yang tinggal di kampung-kampung yang terpisah oleh ladang dan kebun, dan yang semakin padat ketika itu mendekati pusat politik (*dalam*) dan pusat perdagangan (tepi-tepi sungai di sebelah utara *dalam*) (lihat peta 1). Dari kampung-kampung yang nampaknya masih bersifat pertanian (seperti Meurasa) beransur-ansur secara berkesinambungan ditemui kampung-kampung pinggiran bandar yang lebih padat dengan penduduknya dan yang membentuk kampung-kampung bandar (dalam teks itu biasanya disebut “kampung” atau kadangkala “pekan”). Di kampung-kampung yang terletak di kedua-dua tepi sungai itu penduduk berkumpul atas dasar kesamaan pekerjaan atau etnik. Di tepian sebelah timur, *Roteiro* menyebut nama Kampung Pedayong, tempat tinggal para pendayung, dan di tepian sebelah barat kampung para pedagang asing, Kampung (Pe) dagang seperti juga Kampung Pegu dan Kampung Bengal, dan juga kampung orang Pasai, yang diberi nama seorang bangsawan yang pernah berkuasa di bandar dagang itu, iaitu Pekan (“pasar”) Sri Darya.

Jadi, pada garis keliling sepanjang sekitar 14 km, pada tahun 1570-1580-an itu, terlihat gambaran sebuah bandar pelabuhan yang khas Dunia Melayu, dibangunkan menurut contoh yang biasa ditemui di daerah itu, paling tidak sejak munculnya Palembang, ibu kota pertama negeri perniagaan besar Sriwijaya, pada abad ke-7, di bahagian selatan Sumatera²². Lahan yang berisi penghunian itu memang luas, tetapi pusat perdagangan dan politik sahaja yang berpenduduk cukup padat (diperkirakan sekitar 20,000 penduduk per km²).²³ Menurut *Roteiro*, pusat itu tetap memiliki struktur semi-pertanian, kerana terpotong oleh perkebunan kelapa, kebun sayur dan pisang, kecuali dua batang jalan berkedai di Kampung Pekan Sri Darya, yang terletak langsung di sebelah utara masjid agung, di mana berderet rumah-rumah daripada kayu dan nipah.

Sumber Portugis sezaman yang dapat dibandingkan dengan maklumat topografi teks *Roteiro* ini adalah peta-peta sahaja. Hanya sebuah di antaranya yang lebih awal, iaitu pelan bersifat alegori (lebih daripada peta yang sesungguhnya) daripada bahagian utara Aceh, yang dibuat dalam rangka

persiapan sebuah serangan. Peta ini kemudiannya dimuatkan dalam atlas tahun 1568 dan disusun Fernão Vaz Dourado (lihat gambar 1)²⁴. Di situ, benteng-bentengnya sangat besar dibandingkan dengan kawasan penghunian sendiri, tetapi gambar keseluruhannya untuk tahun 1560-an itu sesuai dengan maklumat yang lebih terperinci yang terkandung dalam buku panduan kita untuk perempat terakhir abad ke-16 itu dan dalam peta-peta yang dibuat agak kebelakangan.

Daripada semua peta tersebut, siri yang paling lengkap ialah peta-peta yang sering berulang-ulang gambarnya, karya Manuel Godinho de Erédia di Melaka (sebagai gambar 2 di sini, kami tampilkan peta yang dipetik daripada atlas yang tersimpan di Rio de Janeiro)²⁵. Seperti akan kita lihat di bawah ini, peta-peta itu dibuat antara tahun 1601 dan 1610. Data yang terdapat di dalamnya tidak seterperinci maklumat yang terkandung dalam *Roteiro*. Walau bagaimana pun, maklumat nampaknya telah diambil daripada sumber-sumber yang ketepatannya dapat dibandingkan dengan sumber yang digunakan Dom João Ribeiro Gaio. Peta-peta Erédia itu bertujuan untuk melukiskan keseluruhan bahagian hujung utara Sumatera. Peta-peta itu, seperti juga karya Vaz Dourado, memberikan gambaran umum yang secara keseluruhannya benar, tetapi butiran-butirannya sering kali tidaklah tepat. Peta-peta itu menunjukkan perkiraan topografi sahaja. Itu pun hanya untuk pesisir Teluk Aceh, kuala Sungai Aceh dan, di sebelah hulu, topografi pusat bandar di kedua-dua tepi sungai, dengan istana dan masjid agung sebagai pusat yang terpenting. Kelemahan-kelemahan itu agaknya disebabkan kerana orang Portugis tidak mungkin keluar dari bandar dagang dan pelabuhan. Peta-peta itu rupanya digambarkan berdasarkan maklumat lisan, dan tidak mungkin adalah hasil tinjauan topografi di lapangan. Tidak ada keupayaan sedikit pun untuk menggambarkan bangunan menurut penampilannya masa itu. Dalam hal ini, Erédia telah menggunakan imajinasinya dengan sebebas-bebasnya. Semua bangunan yang ada di *dalam* mahupun di sebelah utara istana itu digambarkan sebagai bangunan daripada batu. Sebenarnya sudah diketahui bahawa rumah-rumah panggung itu dibangunkan daripada kayu sahaja. Demikian juga, antara lain, masjid agung serta pelbagai kubu dan bangunan pertahanan yang kita ketahui.

ISTANA RAJA DAN MASJID AGUNG

Istana raja (*dalam*), seperti yang dilukiskan pada zaman Iskandar Muda dan para sultan berikutnya dalam banyak kisah pengembara Eropah, atau juga dalam teks Melayu *Bustan us-Salatin*, telah dibahas secara terperinci dalam monograf karya Denys Lombard tentang masa pemerintahan sultan besar itu dan dalam tulisan Brakel, yang antara lainnya mengandungi sejumlah pembetulan atas beberapa kekeliruan dalam tulisan yang disebut sebelumnya²⁶. Di samping itu, sejumlah besar data yang dihasilkan semasa perang kolonial Aceh pada akhir abad ke-19 itu menunjukkan bahawa pada masa itu istana raja dan masjid tersebut masih

berdekatan, berhampiran selekoh Sungai Aceh. Tata letaknya hampir sama, iaitu di hujung selatan jalan-jalan yang melintasi kampung-kampung dagang, yang berada di sepanjang aliran sungai dari selatan ke utara (patut dicatat di sini bahawa kemantapan tata letak seperti ini jarang sekali didapati di Dunia Melayu).

Untuk zaman sebelum tahun 1613, iaitu sebelum dilakukan perubahan-perubahan pertama oleh Iskandar Muda, data-data yang diberi dalam *Roteiro* itu merupakan yang paling kuno yang kita miliki. Namun, data-data itu dapat dibandingkan dengan peta-peta Aceh dan pelan istana yang dibuat di Melaka oleh Godinho d'Erédia pastinya sebelum tahun 1610²⁷. Semua dokumen tersebut menggambarkan sebuah sungai kecil yang mengalir di sebelah selatan (sebelah kiri di atas peta) istana dan bermuara di Sungai Aceh, dengan sebuah jambatan yang menghadap ke gerbang selatan istana itu. Yang dimaksudkan di sini adalah jelas *Dar ul-Iski* (nama tempat kini: Kreung Daröy). Sementara itu, kita ketahui sungai kecil itu telah dibelokkan pada tahun 1613 oleh Sultan Iskandar Muda supaya mengalir ke dalam lingkungan istana²⁸. Pelan istana itu, walaupun tidak meliputi lahan yang ada di sebelah selatannya, memperlihatkan dengan jelas bahawa tidak ada sungai yang melintasi *dalam* itu (lihat gambar 2 dan 3). Dengan demikian, dapat disimpulkan bahawa pelan dan semua peta itu (atau setidaknya maklumat yang menjadi dasar pembuatannya) itu berasal dari masa sebelum tahun 1613. Oleh kerana atlas yang paling kuno yang kita ketahui (iaitu atlas yang tersimpan di Rio de Janeiro) itu telah disusun pada tahun 1610, kita dapat menyimpulkan bahawa tempat-tempat yang dilukiskan dalam gambar-gambar Erédia itu adalah keadaan sebelum tahun 1610²⁹. Dengan mengingat bahawa Erédia telah menetap di Melaka pada tahun 1601, jelas bahawa beliau telah mengumpul maklumat di situ pada tahun-tahun awal abad ke-17, ertinya sekitar 20 tahun setelah dilakukan pengumpulan data-data *Roteiro* oleh Biskop Melaka.


Pada abad ke-19, panjangnya lingkungan istana yang berpagar itu hampir mencapai 500 m. Memang sukar untuk memperkirakan secara terperinci ukuran lingkungan istana pada tahun 1584. Memang angka-angka yang terdapat dalam teks *Roteiro*, pada bab 18, untuk ketiga-tiga perkarangan yang membentuk kompleks itu, jika dijumlah, memberikan ukuran panjang maksimum 150 m, manakala panjang kelilingnya yang tercatat (setengah mil, iaitu sekitar 1.6 km) sesuai dengan ukuran yang jauh lebih panjang. Boleh sahaja luasnya istana banyak melebar dalam masa empat abad, sebagai hasil upaya perbaikan untuk memperindahkannya, dan hal itu setidaknya dilakukan mulai masa pemerintahan Iskandar Muda.

Tentang organisasi dalaman istana, perbandingan data yang diberi dalam *Roteiro* dengan yang dapat dibaca pada peta-peta Aceh dan pelan istana yang dibuat oleh Godinho de Erédia (gambar 2 dan 3) itu menunjukkan bahawa telah dilakukan sejumlah perubahan pada pelan bahagian dalam, antara awal tahun 1580-an dan dekad pertama abad ke-17. Walau bagaimana pun, perbandingan satu per satu data-data tersebut berasaskan pelbagai sumber itu sukar dilakukan.

Alasannya mungkin kerana kekeliruan maklumat tentang sebuah tempat yang terlarang bagi semua orang asing.

Dapat kita lihat (pada peta sahaja) bentuk keseluruhan yang bujur, yang juga dicatat pada abad ke-17, serta pintu gerbang utama sebelah utara (dalam sumber-sumber Aceh dikenali dengan nama *Pintu Tanni*). Sumber *Roteiro* sahaja yang menggambarkan secara terperinci teknik pembuatan tembok pertahanan itu sendiri, iaitu sebuah pagar buluh yang kukuh yang ditancap di atas benteng tanah, dikelilingi parit berair, dengan ranjau-ranjau buluh runcing terpancang pada dasarnya. Kelihatan juga bahawa dari utara ke selatan, istana terbahagi atas tiga perkarangan. Yang ketiga merupakan wilayah kediaman khas sang sultan dengan isteri-isteri dan hamba-hamba.


Nampaknya satu-satunya bangunan daripada batu bata adalah tembok yang dibuat dari bata dan kapur, yang memisahkan perkarangan peribadi sultan di sebelah utara dari kedua-dua perkarangan sebelumnya yang bersifat umum. Dalam dokumen-dokumen Godinho de Erédia, untuk pertama kalinya kelihatan rumah-rumah “pangeran” dan “putera raja” dalam perkarangan pertama. Terlihat pula “makam” di mana tersimpan “harta kekayaan” raja di perkarangan yang kedua. Besar kemungkinan yang dimaksudkan itu ialah Kandang Dua Belas, yang kini pun masih terlihat di Banda Aceh, yang mengandungi makam raja-raja. Legenda tentang “harta kekayaan raja” itu mungkin muncul kerana sejumlah batu nisan diperbuat daripada emas murni. Satu-satunya sultan yang setelah tahun 1584 mungkin memiliki keluasan dan kekuasaan untuk mengubah istananya



Gambar 3. Pelan Istana Sultan Aceh dengan Lapangan dan Masjid di Sebelah Utaranya Sekitar tahun 1600. Sumber: Manuel Godinho de Erédia, pelan *Plantaforma dos Palacios del Rei do Achem* (fol. 109r) dalam atlasnya tahun k.l. 1615-1622 (koleksi pribadi, Lisboa).

ialah ‘Ala ad-Din Ri’ayat Syah (1589-1604). Beliau memang mempunyai dua orang putera, dengan seorang di antaranya kemudian memerintah selama beberapa tahun, sebelum Iskandar Muda. Jadi, mungkin sekali perubahan-perubahan di atas telah dilakukan pada masa pemerintahannya yang panjang.

Dalam pelan-pelan dan peta-petanya, Godinho de Erédia sangat bebas menggambarkan bentuk pelbagai bangunan, yang menurutnya diperbuat semuanya daripada batu. Sebenarnya, berasaskan *Roteiro* seperti juga sumber-sumber masa pemerintahan Iskandar Muda, diketahui bahawa bangunan tersebut dibuat daripada kayu. Tambahan pula, terdapat perbezaan-perbezaan antara penampilan istana pada peta-peta dan pada pelan. Oleh demikian, kita perlu menggunakan dokumen-dokumen tersebut dengan amat berhati-hati. Walau bagaimanapun, harus diakui bahawa dokumen itu memberi maklumat baharu yang membenarkan dua hipotesis yang penting telah dikemukakan Brake³⁰. Pertama, di lapangan luas yang terbentang antara masjid dan pintu utara istana, dia menyebut sebuah “balai tempat berkuda” yang mengesahkan bahawa lapangan itulah yang bernama Medan Khayyali (lapangan tempat berkuda). Di lapangan itu juga, pada peta-peta dan pelan yang sama, tercatat sebuah “batu tempat bersumpah”, yang pasti tidak lain dari Peterana sumpah (ertinya “singgasana sumpah”) yang, menurut *Bustan us-Salatin*, diduduki raja sempena acara rasmi. Di lapangan yang sama, *Roteiro* dan *Plantaforma dos Palacios delrei do Achem* tulisan Godinho de Erédia itu menunjukkan sejumlah bangunan, tetapi penggunaannya tidak sama dalam kedua-dua sumber itu. *Roteiro*



Gambar 4. Percubaan Pemetaan Bandar Aceh dan Sekitarnya pada Sekitar tahun 1584, menurut manuskrip Dom João Ribeiro Gaio dan gambar-gambar sezaman.

terutamanya menyebut sebuah balai besar tempat raja bersemayam untuk menerima para utusan asing, serta beberapa bangunan lain yang digunakan sebagai tempat persidangan pengadilan dan tempat para pengawal. Sebaliknya semua peta karangan Erédia menyebut sebuah “rumah tempat hiburan” atau “rumah untuk berekreasi” yang berhampiran dengan sungai, dan di sebelah barat sebuah “rumah pandai emas”. Oleh kerana tidak ada maklumat lain yang dapat dipercayai, tidaklah mungkin kita akan berjaya menyesuaikan sumber-sumber yang berbeza itu.

Pada tahun 1584, di lapangan luas yang terletak di sebelah utara istana (seperti halnya di bandar-bandar dagang lain di kawasan ini), terdapat bangunan masjid yang terpenting, yang kemudiannya telah diperbesarkan Iskandar Muda dan dinamakan Bait ur-Rahman. Pada peta-petanya yang dibuat sebelum tahun 1613, Godinho de Erédia menampilkan bangunan itu dengan gaya khayalan berpengaruh Mogul dan diperbuat daripada batu. Sebenarnya, berdasarkan gambaran daripada Peter Mundy telah diketahui bahawa, pada masa pemerintahan Iskandar Muda pun, masjid itu masih dibuat daripada kayu dengan atap yang bertingkat-tingkat seperti bangunan-bangunan keagamaan lain di Nusantara.

NOTA

* Tulisan ini pertama kali diterbitkan dalam H. Chambert-Loir & Hasan Muarif Ambary (ed.), *Panggung Sejarah: Persembahan kepada Prof. Dr. Denys Lombard*, Jakarta, Yayasan Obor Indonesia, Ecole française d’Extrême-Orient, Pusat Penelitian Arkeologi Nasional Indonesia, 1999: 225-244. Terjemahannya dalam bahasa Indonesia telah dilakukan Ida Sundari Husen dan Henri Chambert-Loir. Terjemahan dalam bahasa Melayu ini dihasilkan oleh Daniel Perret (EFEO Kuala Lumpur, 2011), berasaskan tulisan dalam bahasa Indonesia.

¹ Mengenai keadaan ekonomi dan politik Aceh pada abad ke-16, dan hubungannya dengan pihak Portugis, lihat tulisan Jorge dos Santos Alves, “Une ville inquiète et un sultan barricadé: Aceh vers 1588, d’après le *Roteiro das causas do Achem* de l’Evêque de Melaka”, *Archipel*, 39, 1990: 93-112; P.-Y. Manguin, “Of fortresses and galleys, the 1568 Acehnese siege of Melaka, after a contemporary’s bird’s-eye view”, dalam P.-Y. Manguin & G. Bouchon (eds.), *Asian Studies in Honour of Professor CR. Boxer*, Cambridge (*Modern Asian Studies*, 22/3, 1988): 607-628; P.-Y. Manguin, “The vanishing jong: Insular Southeast Asian fleets in war and trade (15th-17th centuries)”, dalam A. Reid (ed.) *Southeast Asia in the Early Modern Era: Transitions in Maritime Commerce, Power & Belief Systems*, New York: Cornell University Press, 1993. Rancangan-rancangan penawanan oleh orang Portugis telah banyak diselidiki, antara lain khususnya oleh C.R. Boxer: “A note on Portuguese reactions to the revival of the Red Sea spice trade and the rise of Atjeh, 1540-1700”, *Jl. of Southeast Asian History*, 10(3), 1969: 415-428; M. Magalhães Godinho, *Os descobrimentos ea economia mundial*, Lisboa, 1963, jilid 1: 528-534; B.P. Groslier & C.R. Boxer, *Angkor et le Cambodge au XVI^e siècle d’après les sources portugaises et espagnoles*, Paris, 1958; C.R. Boxer, “Portuguese and Spanish projects for the conquest of Southeast Asia, 1580-1600”, *Jl. of Southeast Asian History*, 3(2), 1969: 118- 136; dan yang lebih baru, S. Subrahmanyam,

- Improvising Empire: Portuguese Trade and Settlement in the Bay of Bengal 1500-1700*, Delhi, 1990. Tulisan-tulisan tersebut mengandung sejumlah besar rujukan tentang persoalan itu, baik dalam bahasa Sepanyol mahupun bahasa Portugis, baik berupa edisi manuskrip asli mahupun hasil kajian.
- ² Mengenai sejarah Aceh pada abad 17, lihat khususnya karya D. Lombard, *Le Sultanat d'Aceh au temps d'Iskandar Muda (1607-1636)*, Paris (Publication de l'École française d'Extrême Orient 61), 1967, dan terjemahannya dalam bahasa Indonesia (*Kerajaan Aceh Jaman Sultan Iskandar Muda -1607-1636*, Jakarta: Balai Pustaka, 1986). Akan bermanfaat pula membaca tulisan L.F. Brakel, "State and statecraft in 17th century Aceh", dalam A. Reid & L. Castles (eds.), *Precolonial State Systems in Southeast Asia*, Kuala Lumpur: Malaysian Branch, Royal Asiatic Society (Monograph no. 6), 1975: 56-66.
 - ³ Jorge M. dos Santos Alves dan P.-Y. Manguin, *O 'Roteiro das cousas do Achem' de D. João Ribeiro Gaio: Um olhar português sobre o norte de Samatra em finais do século XVI*. Lisboa: Comissão Nacional para as Comemorações dos Descobrimentos Portugueses (Coleção Outras Margens), 1997, 141 hlm.
 - ⁴ C.R. Boxer, "A late sixteenth century Manila manuscript", *Journal of the Royal Asiatic Society*, 1950: 37-49. Manuskrip terjemahan yang amat berhati-hati yang sezaman dengan manuskrip aslinya ini telah banyak membantu para penyunting Portugis, khususnya untuk memperbaiki ejaan nama-nama Melayu dan Aceh.
 - ⁵ Tentang hal ini, sila lihat P.-Y. Manguin, "The amorphous nature of coastal polities in Insular Southeast Asia: Restricted centres, extended peripheries", *Moussons*, 5, 2002: 73-99.
 - ⁶ Fernão Mendes Pinto, *Peregrinação*, Lisboa, 1614.
 - ⁷ Jorge de Lemos, *História dos cercos ...*, Lisboa, 1585, fol. 60 v.
 - ⁸ Godinho, *op. cit.*, 1963, II: 169-170.
 - ⁹ Teks tersebut telah diterbitkan (malangnya dengan transkripsi yang kurang bermutu) oleh B.N. Teensma "An unknown Portuguese text on Sumatera from 1582", *BKI*, 145, 1989: 306-323.
 - ¹⁰ Reid, *Southeast Asia in the Age of Commerce*, New Haven: Yale University Press, jilid II, 1993: 69. Faktor 6.5 merupakan perkiraan yang ketepatannya dapat dipertikaikan. Tetapi kami menggunakan perkiraan tersebut, agar data-data dalam *Roteiro* dapat dibandingkan dengan data yang dikumpulkan oleh Anthony Reid, satu-satunya ahli sejarah yang telah mencuba melakukan perkiraan rasional tentang jumlah penduduk bandar di Asia Tenggara pada abad ke-16 dan ke-17. Kami pun menggunakan faktor 4 yang digunakannya untuk memperkirakan jumlah keseluruhan penduduk berdasarkan jumlah lelaki yang boleh berperang.
 - ¹¹ Lombard, *op. cit.*, 1967: 45-46; Reid, *op. cit.*, 1993: 72.
 - ¹² Alves dan Manguin, *op. cit.*, 1997: 34.
 - ¹³ Reid, *op. cit.*, 1993: 73.
 - ¹⁴ Panjangnya garis keliling 14 km ini dapat dibandingkan dengan dua mil Jerman (iaitu 15 km), garis lingkaran bandar Aceh yang disebutkan oleh de Graaf untuk tahun 1641 (dipetik oleh Lombard, *op. cit.*, 1967: 46).
 - ¹⁵ Lihat peta I. Peta ini dibuat berdasarkan data-data yang tertera pada peta-peta topografi Belanda pada akhir abad ke-19. Kejadian-kejadian seismos yang rumit (di antaranya majunya pantai utara Sumatera, termasuk Teluk Aceh) dapat mengakibatkan perubahan besar pada lahan-lahan tertentu dalam jangka masa yang sangat pendek, terutama

daerah aliran dan muara sungai. Tidak diketahui secara terperinci keadaan geografi di Aceh pada perempat terakhir abad ke-16. Oleh demikian, kami telah mengubah suai topografi moden agar dapat meletakkan data-data terperinci yang dimuatkan dalam *Roteiro*. Dalam artikel yang pendek ini, tidak mungkin dimuatkan pertanggungjawaban atas semua pemilihan yang telah kami lakukan.

- ¹⁶ Jika menggunakan faktor 4 (Reid, *op. cit.*, 1993: 69).
- ¹⁷ Manguin, *op. cit.*, 1993, jadwal 1. Augustin de Beaulieu, pada tahun 1621, menyatakan bahawa Sultan Iskandar Muda dapat mengerahkan sekitar 40,000 askar di bandar Aceh (Lombard, *op. cit.*, 1967: 46; Reid, *op. cit.*, 1993: 72).
- ¹⁸ D. Perret, "Sumatra Nord-Est dans l'espace acihais jusqu'à la fin de la guerre d'Aceh", *Archipel*, 48, 1994: 63-87.
- ¹⁹ Tomé Pires, *Suma Oriental* (Corteseo ed., Hakluyt Society, 1944), fol. 142r; surat Rafaello Galli bertarikh 10/9/1516, yang dipetik oleh Alves dan Manguin, *op. cit.*, 1997: 37.
- ²⁰ Maka angka itu, yang diperoleh dengan menjumlahkan angka-angka sebelumnya, dapat dibandingkan dengan angka 120,000 yang didapati di bahagian sebelumnya, berdasarkan jumlah lelaki yang dapat dikerahkan oleh sultan.
- ²¹ Reid, *op. cit.*, 1993, bab 2.
- ²² P.-Y. Manguin, "Palembang and Sriwijaya: An early Malay harbor-city rediscovered", *Journal of the Malaysian Branch, Royal Asiatic Society*, 66:1 (1993): 23-46.
- ²³ Reid, *op. cit.*, 1993: 73.
- ²⁴ Atlas ini telah sering kali diterbitkan, tetapi tanpa komen yang jelas tentang penggambaran Aceh (lih. salinan tepat berwarna yang baik sekali dalam A. Corteseo dan A. Teixeira da Mota, *Portugaliae Monumenta Cartographica*, Lisboa, 1960, jilid III, pelan 245).
- ²⁵ Ahli peta Manuel Godinho de Erédia ialah putera seorang bangsawan Portugis dengan seorang puteri yang berasal dari Makassar. Beliau telah menghasilkan banyak karya menarik yang berupa tulisan dan gambar, namun tidak sentiasa meyakinkan. Kebanyakan peta beliau telah diterbitkan dalam A. Corteseo dan A. Teixeira da Mota, 1960, jilid IV, hlm. 39-62. Peta yang tersimpan di Perpustakaan Nasional Rio de Janeiro telah diterbitkan untuk pertama kalinya dalam Alves dan Manguin, *op. cit.*, 1997, gambar 2.
- ²⁶ Lombard, *op. cit.*, 1967: 127-138; Brakel, *op. cit.*, 1975; Teuku Iskandar (ed.), *Bustanu's Salatin, Bab II, fasal 13*, Kuala Lumpur, 1966.
- ²⁷ Pelan istana tersebut telah diterbitkan untuk pertama kalinya dalam Alves dan Manguin, *op. cit.*, 1997, gambar. 2 dan 3.
- ²⁸ Lombard, *op. cit.*, 1967: 130.
- ²⁹ Untuk maklumat yang lebih terperinci tentang masa pembuatan peta-peta karya Godinho de Erédia, lihat Alves dan Manguin, 1997: 25-28.
- ³⁰ Brakel, *op. cit.*, 1975: 62-63, yang telah membetulkan tafsiran oleh Lombard sebelumnya tentang hal itu, *op. cit.*, 1967.